

## SIARAN MEDIA

### MyCC ANJUR SEMINAR TIPUAN BIDA DAN PEMATUHAN PERSAINGAN DI SABAH

**KOTA KINABALU, 8 OGOS 2019** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan satu kursus kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam proses perolehan. Siri Seminar 2019: Katakan Tidak Kepada Tipuan Bida ini adalah julung-julung kalinya MyCC mengadakan program advokasi di Sabah dan bakal diteruskan di Tawau dan Sandakan. Di samping itu, MyCC juga turut melancarkan laman sesawang serta Sistem e-Pembelajaran Pematuhan Persaingan yang telah diperbaharui dan ditambahbaik. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah dan disaksikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, Pengurus MyCC.

Seminar ini merupakan salah satu usaha berterusan MyCC bagi mendidik pegawai Kerajaan untuk mengesan dan menangani sebarang aktiviti tipuan bida dalam prosedur perolehan awam. "Proses pembidaan yang kompetitif membolehkan organisasi awam mendapatkan nilai yang lebih baik untuk wang, seterusnya membolehkan sumber itu digunakan untuk barang atau perkhidmatan lain. Tipuan bida adalah dilarang di Malaysia di bawah seksyen 4(2)(d) Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dan disifatkan sebagai kartel tegar," kata YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Di samping itu, Sistem e-Pembelajaran Pematuhan Persaingan yang diperkenalkan oleh MyCC pada Mac 2017 boleh digunakan oleh pemain industri dan agensi kerajaan bagi memahami dan mematuhi AP 2010 dengan lebih baik. Terdapat lima modul dalam Sistem e-Pembelajaran ini, antara lain, menjelaskan tentang pelanggaran di bawah peruntukan-peruntukan tertentu dan amalan yang perlu dielakkan pada setiap masa. Terdapat juga senarai semak untuk menilai sendiri pematuhan mereka

terhadap peruntukan yang berkaitan dalam AP 2010 dan pertimbangan yang harus diambil kira.

Sistem ini boleh didapati di pautan <http://elearning.mycc.gov.my>. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman sesawang kami di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

--tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Khalijah Mazlan, Tel +603 2273 2277 (ext 702),

Email: [khalijah@mycc.gov.my](mailto:khalijah@mycc.gov.my)

**Bahagian Komunikasi dan Advokasi**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang kompetitif.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).